

## **Ekspo Kerjaya UPM bantu graduan**

KUALA LUMPUR 20 Mei - Ekspo Kerjaya anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini mampu menjadi platform kepada bakal siswazah untuk mengetahui aspek teknikal persediaan sebelum dan semasa sesi temu duga.

Pengarah Pusat Penempatan Kerjaya (CPC) UPM, Dr. Che An Abdul Ghani berkata, ekspo itu juga bagi mengelakkan siswazah bertanya soalan yang tidak sepatutnya semasa sesi temu duga seperti yang sering berlaku sebelum ini.

“Antara soalan yang tidak sepatutnya ditanya adalah berkenaan gaji.

“Malah, sebilangan besar graduan juga tidak mengetahui cara menyediakan resume dan ekspo ini turut membuka klinik resume yang mendapat sambutan menggalakkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Ekspo Kerjaya UPM yang diadakan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), di universiti itu di sini.